



BORANG PERSETUJUAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN

Terima kasih kerana memilih Pusat GENIUS Kurnia untuk membuat penyelidikan. Bagi melancarkan operasi harian untuk memudahkan tuan/ puan melakukan penyelidikan, mohon perkara-perkara dibawah diberi **PERHATIAN**:

1. Tuan/ Puan **TIDAK BOLEH** mengganggu sesi pembelajaran di kelas semasa penyelidikan dijalankan. Tuan/ Puan perlu merancang kaedah dan jadual terlebih dahulu dan maklumkan pada pengurusan Pusat ini.
2. Tuan/ Puan **DIWAJIBKAN** mendaftar sebagai pelawat di pos pengawal dan mengambil kad pelawat.
3. Tuan/ Puan **DIWAJIBKAN** memakai pas pelawat sepanjang berada dalam kawasan Pusat ini.
4. Tuan/ Puan haruslah berpakaian kemas/ sopan dan tidak menjolok mata semasa memasuki kawasan Pusat ini. **(SELUAR PENDEK/KOYAK TIDAK DIBENARKAN)**
5. Tuan/ Puan **TIDAK DIBENARKAN** menghisap rokok di kawasan Pusat ini dan tidak membuang sampah di merata-rata tempat.
6. Tuan/ Puan **TIDAK DIBENARKAN** membawa keluar sebarang peralatan dari Pusat ini. Sekiranya peralatan/ bahan bantu mengajar/ risalah/ buku/ perabot diubah, tuan/ puan haruslah meletakkannya di tempat asal.
7. Tuan/ Puan **DILARANG** menemuramah kakitangan/ ibu bapa/ anak tanpa kebenaran daripada pihak pengurusan Pusat ini.
8. Tuan/ Puan **DILARANG** meminta kakitangan/ ibu bapa GENIUS Kurnia mewart-warkan maklumat kajian tuan/puan di dalam kumpulan aplikasi *what's up* tanpa makluman dan pengesahan pengarah pusat GENIUS Kurnia.
9. Tuan/ puan **TIDAK BOLEH** berada dikawasan atau kelas lain selain kawasan atau kelas yang telah ditempatkan oleh pihak Pusat GENIUS Kurnia.
10. Tuan/ puan **DILARANG** mengambil gambar atau merekod video pelajar/ kakitangan/ aktiviti/ intervensi yang dijalankan tanpa kebenaran dan pengesahan dari Pengarah Pusat GENIUS Kurnia
11. Pemohon yang berkongsi sebarang penulisan atau gambar **TANPA KELULUSAN** Pengarah GENIUS Kurnia akan dikenakan tindakan undang-undang

(Arahan: Tanda / Pada Kotak Yang Disediakan)

Saya telah membaca peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak GENIUS Kurnia berkenaan peraturan menjalani kajian di Pusat GENIUS Kurnia. Pihak GENIUS Kurnia boleh membatalkan kelulusan kajian saya jika saya melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

Deklarasi dengan menandatangani borang:	Tandatangan:	Tarikh:
Dengan ini, saya berjanji akan akur kepada semua peraturan yang telah digariskan semasa menjalankan penyelidikan di Pusat GENIUS Kurnia.		